

**TEKS UCAPAN KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR UniMAP BERSEMPENA MAJLIS PERASMIAN
PENUTUPAN SEMINAR GEJALA ATS & HIV / AIDS MAJLIS PERWAKILAN
PELAJAR (MPP) IPTA 2008 anjuran bersama KEMENTERIAN PENGAJIAN
TINGGI & UniMAP dengan Kerjasama KERAJAAN NEGERI PERLIS dan
PEMADAM Kebangsaan PADA 15 FEBUARI 2008 BERTEMPAT DI DEWAN
2020, PERLIS.**

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Yang Berhormat, Dato' Mustapa Bin Mohamed, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) UniMAP,

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Para peserta dari Majlis Perwakilan Pelajar seluruh IPTA Malaysia

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama menyatakan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah rahmatNya dapat kita berkumpul pada malam ini dalam suasana yang meriah di Majlis Perasmian Penutupan Seminar Gejala ATS & HIV / AIDS Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPTA 2008 anjuran bersama Kementerian Pengajian Tinggi & UniMAP dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Perlis dan PEMADAM Kebangsaan.

Saya mewakili warga UniMAP ingin merakamkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat, Dato' Mustapa Bin Mohamed, Menteri Pengajian Tinggi kerana sudi hadir pada malam ini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada barisan tetamu dan dif-dif kehormat yang sudi melapangkan masa, hadir bagi memeriahkan lagi majlis

pada malam ini. Sesungguhnya, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua amat besar ertinya buat kami. Sesungguhnya kami memandang tinggi komitmen tuan-tuan dan puan-puan yang sentiasa menyokong apa jua program yang dianjurkan UniMAP.

Jutaan terima kasih, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi, Kerajaan Negeri Perlis dan PEMADAM Kebangsaan serta jawatankuasa UniMAP diatas kesungguhan dan inisiatif menganjurkan program yang baik ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada 600 pelajar dari Majlis Perwakilan Pelajar dan Pemimpin Pelajar dari IPT. Berikan tepukan gemuruh kepada wakil-wakil dari **UDM, UIAM, UKM, UM, UMK, UMP, UMS, UNIMAS, UMT, UPSI, UPNM, UPM, USIM, USM, UTeM, UTM, UiTM, UTHM, UUM, UTP dan KUIM serta dari UniMAP sendiri**. Semangat dan komitmen anda semua ini membuktikan bahawa kita sedang bergerak tangkas untuk memerangi gejala dadah yang sedang menerjah negara kita pada masa kini.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Statistik penagih dadah di Malaysia bagi tempoh Januari hingga Jun 2006, merekodkan seramai 13,058 penagih dadah dikesan dan seramai 5,830 orang penagih baru dan 7,228 orang penagih berulang. Sebanyak 97.9% lelaki dan 70.46% terdiri dari bangsa Melayu. bilangan yang dikesan di Kuala Lumpur ialah 1,084 orang. Manakala dari tempoh Januari hingga Disember 2006 pula merekodkan terdapat sejumlah 22,811 penagih dadah dikesan. Terdapat peningkatan seramai 8,322 orang hanya dalam masa 6 bulan. Ini bermakna, dalam satu hari di Malaysia terdapat 45 orang yang menjadi penagih dadah sepanjang Julai hingga Disember 2006. Dengan pamaran statistik tadi bayangkan apa yang akan terjadi jika masalah dadah ini tidak dibendung, dan apa akan jadi kepada generasi muda kita. Siapa yang akan mewarisi negara kalau muda-mudi kita terlibat dalam penyalahgunaan dadah?

Jika dilihat dari segi perangkaan jumlah penagih yang ada di negara kita, sudah tentu kita tidak dapat menampung kesemua mereka untuk menjalani proses pemulihan sekaligus. Walaubagaimanapun, saya berasa amat gembira kerana sejak kerajaan melancarkan kempen

perangi dadah habis-habisan sejak tahun 2003, angka penagih yang dikesan telahpun menurun. Penurunan itu dapat dilihat dari setahun ke setahun dan pada tahun 2007 penurunan mencapai sehingga 36.48% berbanding tahun 2006 iaitu dengan angka 14,489. Satu penurunan yang memberangsangkan. Saya mengharapkan agar usaha-usaha murni kerajaan ini akan menemui titik noktah dengan pengishtiharkan dadah sifar. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk membantu Kerajaan mengatasi masalah tersebut sehingga tercapainya matlamat pembersihan dadah di Malaysia.

Hadirin sekalian

Kini timbul pula Dadah jenis ATS dalam masyarakat kita. Dadah jenis ini sering disifatkan tidak begitu berbahaya seperti jenis dadah bukan sintetik lain seperti heroin, kokain dan kanabis. Tanggapan ini adalah tidak benar disebabkan ciri *designer technology* dadah ini yang menggunakan bahan kimia psikoaktif. Tidak seperti kokain dan heroin, di mana penghasilan bergantung kepada keadaan geografi dan cuaca, dadah sintetik ini boleh dihasilkan di mana-mana. Penggunaan dadah sintetik ini juga dilaporkan lebih berbahaya kerana ia menyebabkan penggunaanya menjadi ganas selain boleh menyebabkan kerosakan otak akibat rangsangan berterusan terhadap sistem sarat pusat.

Walaupun terdapat penurunan angka penagih dadah tetapi kita tetap perlu berasa gusar dengan wujudnya dadah jenis ATS ini. Oleh itu, saya menyeru kepada seluruh anggota masyarakat marilah kita bersama-sama berganding bahu untuk menangani masalah ini kerana masalah dadah bukan masalah orang lain, tetapi masalah yang mungkin melibatkan ahli keluarga kita sendiri. Penguatkuasaan undang-undang semata-mata tidak mampu untuk mengawal situasi ini.

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada malam ini, Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat, Dato' Mustapa Bin Mohamed, Menteri Pengajian Tinggi kerana sudi hadir ke majlis ini dan juga dif kehormat dan tetamu jemputan yang sentiasa menyokong keluarga UniMAP. Sekali lagi, saya merayu kepada seluruh anggota masyarakat dalam negara ini supaya sentiasa mengambil ingatan bahawa masalah dadah bukanlah masalah orang lain, tetapi adalah satu masalah yang berkemungkinan akan menjadi masalah kita.

Sekian. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.